

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

Kekalkan keharmonian perkhidmatan awam

# Kekalkan keharmonian perkhidmatan awam

**PETALING JAYA** – Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) berharap agar Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dapat mengekalkan keharmonian dalam perkhidmatan awam supaya sistem penyampaian kepada rakyat boleh diperkasakan lagi.

Presidennya, Datuk Adnan Mat berkata, CUEPACS yakin kestabilan dalam pentadbiran kerajaan mampu meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan ekonomi agar negara mampu mendepani cabaran yang mendarat.

Ujarnya, penjawat awam akan terus berkhidmat dengan penuh profesional bagi memastikan dasar dan polisi yang dirancang kerajaan dapat dinikmati rakyat.

“Dalam masa yang sama CUEPACS mengambil maklum beberapa janji yang dibuat oleh pimpinan politik semasa tempoh berkempen pada pilihan raya umum lalu melibatkan komitmen mereka untuk mengecilkan saiz Kabinet atau jumlah menteri sekiranya diberi mandat.

“CUEPACS berharap kepimpinan Perdana Menteri mengada-

kan perbincangan terlebih dahulu dengan Ketua Setiausaha Negara (KSN) serta semua Ketua Setiausaha (KSU) di kementerian-kementerian yang ada ketika ini,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, perbincangan bersama dengan pemimpin tertinggi perkhidmatan awam ini perlu bagi mengelakkan keputusan yang diambil kelak memberi kesan yang tidak baik kepada jenama pentadbiran kerajaan.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pelantikan Anwar sebagai Perdana Menteri ke-10 menerusi kerajaan perpaduan menunjukkan lambang kebijaksanaan dan kematangan politik demi kestabilan negara.

Katanya, perkara itu juga menyerlahkan kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dalam menyarankan sebuah kerajaan perpaduan dengan hampir semua blok mengambil keputusan menyertainya.

“Saya percaya ini lambang kebijaksanaan dan kematangan politik demi kestabilan negara,” tambah beliau.